

Paus sperma dikenal pasti paus dewasa betina

PAUS sperma yang dibawa ke darat selepas ditemui mati Jumaat lalu dikenal pasti sebagai paus dewasa betina, menurut pasukan daripada Muzium Sejarah Semula Jadi Lee Kong Chian.

Kakitangan muzium itu telah mengkajinya dan mengambil sampel DNA paus itu.

Mereka juga mengambil isi paus itu bagi memelihara struktur rangka tulangnya dan memeriksa kandungan perutnya.

Sejauh ini, pasukan itu telah mengeluarkan sekitar 50-60 peratus isi paus itu dan kebanyakan organ dalamannya juga telah dikeluarkan bagi kajian lanjut dan mencari punca kematiannya.

Siasatan awal oleh pasukan itu menunjukkan bahawa terdapat satu kesan luka besar, yang mungkin akibat terkelar kipas.

Bagaimanapun, sama ada luka itu dialami sebelum atau selepas kematiannya belum diketahui.

Oleh kerana saiznya yang besar – sepanjang 10.6 meter dan seberat lapan hingga 10 tan – proses kajian itu dijangka memakan masa dengan skala yang besar, kata pasukan itu.